



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5  
Tarikh : 11 November 2020

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 34/2020**

Semua Pelajar Program ASAS/pintar

Saudara/i,

**PENGEDARAN KAD MASUK PEPERIKSAAN DAN JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN (KMJP) SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2020/2021**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, seperti saudara/i sedia maklum bahawa Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2020/2021 akan bermula pada **28 Disember 2020 hingga 03 Januari 2021**.

2. Untuk makluman saudara/i, mulai Semester 1 Sesi Akademik 2014/2015, **pelajar dikehendaki mencetak sendiri Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) melalui SMPWeb**. Sehubungan itu, saudara/i boleh mencetak Kad Masuk Peperiksaan dan Jadual Waktu Peperiksaan (KMJP) mulai **23 November 2020**.

3. Sekiranya saudara/i **tidak membuat pengesahan masuk peperiksaan, sila pastikan denda sebanyak RM15.00 (Ringgit Malaysia: Lima belas ringgit sahaja) dibayar melalui Akaun Bendahari UKM: CIMB 8002234307** terlebih dahulu dan emelkan salinan resit tersebut kepada pihak Pusat Pengurusan Akademik ([syidah@ukm.edu.my](mailto:syidah@ukm.edu.my)) sebelum saudara/i dibenarkan membuat cetakan KMJP melalui SMPWeb. **Saudara/i diingatkan bahawa KMJP hendaklah dibawa bersama semasa menduduki peperiksaan. Pelajar yang gagal menunjukkan KMJP tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.**

4. Saudara/i juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan di sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang nota (kecuali yang dibenarkan oleh pensyarah) dan telefon bimbit adalah **DILARANG** untuk dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan. Sekiranya saudara/i melanggar peraturan peperiksaan, tindakan tatatertib akan diambil.

Sekian untuk perhatian dan tindakan saudara/i, terima kasih.

Yang benar,

**ROHANA TAN**

Timbalan Pendaftar

Pusat Pengurusan Akademik



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)

Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)
  - Pengarah  
Pusat GENIUS@Pintar Negara
  - Pengarah  
Pusat Teknologi Maklumat
  - Pengarah  
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
  - Ketua Penolong Pendaftar  
Pusat GENIUS@Pintar Negara
  - Ketua  
Unit Kewangan Pelajar  
Jabatan Bendahari



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
 Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my  
 Web: www.ukm.my/akademik